

Headline	Dutch Lady Galakkan Pengawasan Pencapaian Pembesaran Kanak-Kanak		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Kesihatan	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	548 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,237
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,712



SEMPENA pelancaran susu tepung baru dengan formulasi yang dipertingkatkan untuk kanak-kanak, Dutch Lady Malaysia baru-baru ini menyokong program *Nurture Nature 2015*, satu ceramah anjuran WQ Park Health & Rehabilitation Centre, yang memaklumkan kepada ibu bapa bagaimana memantau perkembangan mental anak-anak boleh membantu mengelakkan kelewatan perkembangan kanak-kanak kerana lambat dikesan.

Dutch Lady NutriPlan™ dengan 5X DHA, rangkaian susu tepung rumusan untuk kanak-kanak menyediakan pemakanan yang disesuaikan mengikut empat tahap perkembangan mental utama kanak-kanak, menggesa ibu bapa Malaysia untuk menghargai dan meraikan setiap pencapaian penting yang dicapai oleh anak-anak mereka pada tahap perkembangan yang berbeza.

Menerangkan penglibatan Dutch Lady dalam ceramah ini, Pakar Pemakanan Korporat Dutch Lady, Loo Mei Fong berkata, pembiayaan untuk menyokong *Nurture Nature 2015* adalah usaha Dutch Lady untuk menyokong komuniti.

“Kami ingin merakamkan penghargaan kepada para peserta terlibat dalam e-kuiz untuk menjayakan usaha kami dalam menyokong *Nurture Nature 2015*,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Mei Fong, setiap peringkat perkembangan kanak-kanak disertai oleh pencapaian kognitif dan pembesaran. Walau bagaimanapun, ibu bapa bertanggungjawab mengawasi pencapaian ini bagi memastikan anak-anak mereka membesar

Headline	Dutch Lady Galakkan Pengawasan Pencapaian Pembesaran Kanak-Kanak		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Kesihatan	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	548 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,237
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,712

dengan sihat dan gembira.

Mei Fong seterusnya berkata, susu tepung rumusan untuk kanak-kanak Dutch Lady NutriPlan dengan 5X DHA baharu kini

membolehkan ibu bapa menyokong perkembangan mental anak-anak mereka secara berperingkat melalui empat varian yang berbeza mengikut pencapaian anak-anak:

- **INGIN TAHU** - Untuk kanak-kanak berumur satu hingga dua tahun dan memerhati dunia di sekeliling mereka dengan mata mereka, dirumuskan dengan inositol, taurine, dan vitamin A untuk melindungi dan menyokong perkembangan mata.

- **MENEROKA** - Untuk kanak-kanak berusia dua hingga empat tahun yang menyentuh dan merasai segala-galanya di sekeliling mereka, perlu menguatkan daya imuniti mereka dengan nutrien seperti selenium dan zink.

- **MENCIPTA** - Dirumuskan untuk kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun dengan nutrien seperti tyrosine, choline, dan vitamin D untuk menyokong daya dan kemahiran imaginatif mereka.

- **BELAJAR** - Untuk kanak-kanak enam tahun dan ke atas dan bersiap sedia untuk persekolahan formal, varian ini mengandungi magnesium untuk membantu menyokong tahap fokus dan daya ingatan mereka untuk belajar dengan lebih baik.

Kekurangan

Secara keseluruhannya, setiap pelan pemakanan untuk setiap pencapaian turut menyentuh tentang menangani sesetengah kekurangan dan jurang seperti yang diutamakan dalam South East Asian Nutrition Survey (SEANUTS) - terutamanya Vitamin D; serta keperluan pemakanan menurut pengambilan pemakanan yang

disyorkan (RNI) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Nurture Nature 2015 bertujuan

menyampaikan pesan kepada para ibu bapa dan pendidik kanak-kanak yang memerlukan pendidikan istimewa berkenaan langkah-langkah untuk menggalakkan dan mengurus tingkah laku kanak-kanak.

Beberapa bengkel telah disusun sepanjang hari untuk memberi pengetahuan dan strategi yang berguna untuk ibu bapa dan pendidik, yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang kehidupan seharian apabila melayani anak-anak.

Antara topik utama termasuklah: *Parenting Tips for Child Development* oleh pakar perunding

pediatrik pembesaran Dr. Raja Juanita Raja Lope, *Strategies to Promote Speech, Language & Communication* oleh Ketua Program Sains Pertuturan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Hasherah Ibrahim.

Sewaktu ceramahnya yang bertajuk *Parenting Tips for Child Development: Myths VS Facts*, Dr. Raja Juanita berkongsi tentang kepentingan pemakanan dalam pembesaran kanak-kanak.

"Apabila kanak-kanak mencecah umur setahun, ibu bapa perlu mula memberikan mereka diet yang bersifat lebih dewasa, terdiri daripada tiga hidangan yang seimbang dalam sehari dan hidangan yang sihat seperti buah-buahan, yogurt dan 500ml susu.

"Susu sudah tentulah salah satu minuman terbaik untuk diberikan kepada kanak-kanak kerana kandungannya yang kaya dengan kalsium, tetapi ibu bapa perlu berhati-hati dan tidak membiarkan anak-anak mereka minum susu terlalu banyak di antara waktu makan. Sebenarnya, mereka

sepatutnya memberikan anak

mereka susu semasa atau selepas makan," nasihat Dr. Raja Juanita.

"Perkara yang paling penting adalah untuk menggalakkan tabiat pemakanan yang baik dengan sentiasa memperkenalkan jenis makanan sihat yang baru. Kanak-kanak yang sihat adalah kanak-kanak yang mendapat vitamin dan nutrien yang mencukupi semasa mereka membesar. Apabila mereka mendapat nutrien penting daripada diet seimbang, mereka membesar dengan normal," tambahnya.

Dr. Raja Juanita seterusnya mengulas bahawa salah satu nutrien penting yang diperlukan untuk pembangunan mental adalah zat besi. "Banyak kajian menunjukkan bahawa kekurangan zat besi merupakan kekurangan nutrien yang terbesar di seluruh dunia dan ini memberi kesan terhadap perkembangan kognitif.

Pencapaian kanak-kanak berbeza dari satu peringkat ke peringkat yang lain. Sebagai contohnya, pada usia satu hingga dua tahun, mereka akan mula berjalan dan pandai bercakap sepetah dua perkataan selain menunjukkan kepada sesuatu benda. Pada usia dua hingga empat tahun, kanak-kanak akan meningkatkan perkembangan bahasa mereka, dan akan dapat bercakap dalam ayat yang pendek.

Inilah sebabnya pencapaian ini menjadi "pengukur" kepada ibu bapa bagi mengawasi sama ada anak mereka membesar secara sihat. Sekiranya kanak-kanak masih belum sampai ke tahap ini pada usia tertentu, ibu bapa perlu peka selain mendapatkan penilaian asas daripada pakar-pakar secepat mungkin.

Digabungkan dengan maklumat menarik lain yang dikongsi oleh panel penceramah, peserta *Nurture Nature 2015* pulang dengan pengetahuan baru tentang bagaimana untuk melaksanakan kaedah keibubapaan dengan lebih berkesan.



DR. RAJA
JUANITA RAJA
LOPE